

**NO. SOALAN: 101**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]**  
**TARIKH : 02.08.2017 (RABU)**

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta MENTERI PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan  
berapakah stesen minyak yang telah memberhentikan operasi mereka serta  
lokasinya (sekiranya ada) sejak sistem harga petrol mingguan dilaksanakan.**

**JAWAPAN:****Tuan Yang Di-Pertua,**

Pelaksanaan Mekanisme Penetapan Harga Jualan Runcit Petrol dan Diesel Secara Mingguan tidak menjejaskan perniagaan stesen minyak di negara ini. Penutupan stesen-stesen minyak adalah disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti tempoh pajakan tanah yang telah tamat, pengambilan tanah untuk projek pembangunan Kerajaan dan pengusaha tidak lagi berminat untuk meneruskan perniagaan tersebut. Buat masa ini, tiada pengusaha stesyen minyak yang menutup operasi mereka disebabkan pelaksanaan mekanisma harga petrol dan diesel mingguan.